

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan sabitan kesalahan dengan hukuman mati sejak 2018 dan sama ada Kerajaan akan memansuhkan hukuman mati dan sekiranya ya, bila.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod Jabatan Penjara Malaysia sehingga 13 Oktober 2021 menunjukkan bahawa terdapat seramai **1,359** banduan yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati. Walau bagaimanapun, hukuman mati tersebut belum dapat dilaksanakan kerana **509** orang banduan masih lagi dalam proses rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan dan Persekutuan, manakala **850** orang dalam proses rayuan kepada Lembaga Pengampunan Negeri.

Seramai 833 banduan dari jumlah tersebut adalah rakyat Malaysia dan 526 banduan pula adalah warganegara asing daripada 41 buah negara. Banduan berkenaan terlibat dengan kesalahan di bawah pelbagai Akta seperti kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Kesiksaan (membunuh), seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (pengedaran dadah), seksyen 121 Kanun Kesiksaan (berperang dengan Yang DiPertuan Agong), seksyen 3

serta 7 Akta Senjatapi (melepaskan tembakan di bawah kesalahan berjadual dan berdagang senjatapi), seksyen 3 Akta Culik , seksyen 396 Kanun Kesiksaan (rompakan berkumpulan dan pembunuhan) dan seksyen 57 (1)(A) Akta Keselamatan Dalam Negeri (kesalahan melibatkan senjatapi dan bahan letupan).

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan komitmen kepimpinan terdahulu bagi memansuhkan hukuman mati mandatori dan syor hukuman gantian dengan budi bicara Mahkamah.

Dalam hal ini, Laporan Akhir Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori mengandungi antara lain, syor-syor hukuman gantian terhadap 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori, kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] dan 21 kesalahan yang membawa hukuman mati tetapi dengan budi bicara Mahkamah.

Melalui kajian yang sama, buat julung kalinya juga polisi penghukuman dalam sistem keadilan di negara ini telah disemak dan dikaji semula. Ia merupakan penambahbaikan kepada "*criminal justice system*" di mana Jawatankuasa Khas telah mengesyorkan hukuman gantian yang bersifat adil dan setimpal dengan kesalahan jenayah yang telah dilakukan.

Secara umumnya, laporan ini dijangka dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekat. Sebarang tindakan susulan adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan berkaitan Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori dan syor-syor yang dinyatakan dalam laporan tersebut. Pertimbangan dan keputusan Kerajaan terhadap kajian ini akan turut mengambil kira kepentingan dan kemaslahatan rakyat secara keseluruhan termasuk aspek berkaitan pencegahan jenayah, kesan yang dihadapi oleh keluarga mangsa serta kesedaran kepada orang awam.